

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 MEI 2020
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 21

Ekonomi Malaysia catat pencapaian sederhana 0.7 peratus

KUALA LUMPUR - Ekonomi Malaysia pada suku pertama 2020 mencatatkan pencapaian sederhana iaitu 0.7 peratus berbanding 3.6 peratus pada suku keempat 2019, kata Gabenor Bank Negara Malaysia, Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus.

Menurutnya, ia dipengaruhi oleh aktiviti ekonomi yang perlamban disebabkan oleh penularan koronavirus (Covid-19).

"Dari segi penawaran, sektor perkhidmatan dan perkilangan berkembang sederhana dan sektor-sektor lain pula menguncup.

"Dari segi perbelanjaan, permintaan dan pelaburan luar negeri merosot, sementara penggunaan swasta meningkat sederhana," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media maya Prestasi Ekonomi Malaysia bagi Suku Pertama 2020 di Kuala Lumpur semalam.

Bagaimanapun, katanya, berdasarkan suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi negara menguncup sebanyak 2.0 peratus.

Nor Shamsiah berkata, prospek ekonomi global dan

Malaysia bagi 2020 terjejas dengan ketara susulan pelaksanaan langkah ketat untuk membendung penularan Covid-19.

"Setelah pengembangan yang stabil dalam dua bulan pertama suku ini, aktiviti ekonomi mengalami penurunan kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020.

"Pengeluaran hanya dibenarkan untuk barang dan perkhidmatan penting serta industri yang bersepadan dengan rantai bekalan mereka," katanya.

Beliau berkata, ekonomi negara dijangka menguncup pada suku kedua berikutnya masa pembendungan Covid-19 yang lebih lama sama ada di peringkat domestik atau global.

Namun, katanya, aktiviti ekonomi dijangka meningkat secara berperingkat pada separuh kedua 2020 apabila kerajaan menarik balik PKP.



NOR SHAMSIAH

"Langkah fiskal, monetari dan kewangan yang besar serta kemajuan dalam projek infrastruktur awam berkaitan pengangkutan akan memberikan sokongan selanjutnya kepada pertumbuhan pada separuh

kedua 2020.

"Sejak dengan pertumbuhan global yang diunjurkan meningkat, ekonomi Malaysia dijangka mencatatkan pemulihan yang positif pada 2021," katanya.

Dalam pada itu, Nor Shamsiah berkata, Kemudahan Bantuan Khas (SRF) sebanyak 10 bilion yang disediakan pada Mac lalu telah memberi manfaat kepada 9,000 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan mengekalkan lebih 200,000 pekerjaan.

Tambahnya, jumlah itu telah ditambah sebanyak RM5 bilion lagi bagi memenuhi lebih permohonan yang ditawarkan oleh institusi kewangan.